مجليس اڬام إسلام دان عادت ملايو ڤيراق

EDISI 2
2022
BILANGAN
42
EDARAN PERCUMA

# Wadah
MAIPk




**ANGGOTA MAIPk, YBHG. DATO' HAJI AS'AD BIN AWANG MENERIMA ANUGERAH TOKOH MAAL HIJRAH 1444 NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**



**PERASMIAN PUSAT HEMODIALISIS WAQAF PERAK AR-RIDZUAN**



**417 PELAJAR TERIMA BIASISWA BAITULMAL MAIPk**

Wadah MAIPk
EDISI 2 2022 – BILANGAN 42

# MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1444 NEGERI PERAK







**IPOH, 30 Julai 2022** – YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang di pilih menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Perak bagi tahun 1444. Beliau merupakan ahli Majlis Fatwa Negeri Perak dan anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Setiausaha Masjid Jamek Pengkalan Hulu, Sirat Abdullah yang memperkenalkan konsep masjid dalam kebun di pilih sebagai penerima anugerah Tokoh Ar-Ridzuan, Anugerah Belia diberikan kepada penuntut terbaik Malaysia dan ke sembilan dunia dalam peperiksaan ACCA, Siti Naziah Mohamad Naziq. Anugerah Pengurusan Masjid Terbaik dinobat kepada pengurusan Masjid Bandar Universiti, Seri Iskandar. Manakala anugerah Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Terbaik diberikan kepada Pengurusan Tanah Perkuburan Islam Kampung Padang Tembak, Lumut.

Tiga buah sekolah dipilih menerima anugerah Usaha Tani Sekolah Terbaik iaitu Sekolah Kebangsaan Changkat Tin, Tanjung Tualang, Sekolah Menengah Kebangsaan Tan Sri Abdul Aziz, Lenggong dan Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Seri Wan Mohamed, Gerik. Anugerah Usaha Tani Masjid Terbaik pula diberikan kepada Masjid AL-Muhajirin, Kampung Nibong Hangus, Parit Buntar; Masjid AL-Khairiah, Rantau Panjang, Selama dan Masjid Tajul Rahman, Teluk Intan. Penyampaian anugerah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah di Pusat Konvensyen Casuarina@Meru.





# BIODATA PENERIMA ANUGERAH TOKOH MAAL HIJRAH NEGERI PERAK



**YBHG. DATO' HAJI AS'AD BIN AWANG**

Tarikh Lahir : 8 Mei 1957

Umur : 65 Tahun

Pendidikan:

- Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Arab, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya
- Sijil Perguruan Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya

Penglibatan:

- Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (2008-2021)
- Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak (2006-2021)
- AJK Baitulmal Tertinggi, Perak (2008-2021)
- JK Pengawasan Pengajaran Agama (AJK 2020-2023)
- JK Tatatertib MAIPk (AJK 2012-2025) (AJK 2021-2023)
- Panel Temuduga Guru Tauliah Negeri Perak (2008-2021)
- Panel Temuduga Jurunikah Negeri Perak (2008-2021)
- Panel Temuduga Imam Masjid Negeri Perak (2008-2021)
- Panel Soal Jawab Agama Perak FM (2019-2021)

# PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH BERJUMLAH RM19 JUTA

**Istana Kinta, Ipoh pada 17 Jun 2022**



Lembaga Air Perak yang diwakili Timbalan Pengurus Besar, Tuan IR. Lokman bin Abd Rahim menyerah zakat berjumlah RM4,910,000.00.



Puncak Emas Infra Sdn Bhd yang diwakili Pengurus Besar, Tuan IR. Saiful Azzuan bin Aznam menyerah zakat berjumlah RM1,160,591.00.



Koperasi Warisan Pegawai Hutan Melayu Negeri Perak Berhad diwakili oleh Tuan Nor Sharifuddin bin Yeop Sabar menyerah zakat berjumlah RM426,841.60.



Menteri Besar Incorporated (Perak) diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Anuar bin Zainal Abidin menyerah zakat berjumlah RM320,000.00.



Empayar Indera Sdn Bhd diwakili oleh Pengurus Besar, Tuan Hasrin bin Abdul Rahman menyerah zakat berjumlah RM300,000.00.



Millenia Aqua Services Sdn Bhd diwakili oleh Pengerusi, Datuk Hang Tuah bin Din@Mohamed Din menyerah zakat berjumlah RM100,000.00.

# Istana Changkat Persekutuan, Kuala Lumpur pada 4 Julai 2022



Lembaga Tabung Haji diwakili oleh Pengarah Eksekutif Kewangan Kumpulan Tabung Haji, Tuan Haji Mustakim bin Mohamad menyerah zakat berjumlah RM7,170,596.71.



FGV Holding Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Tuan Mohd Nazrul Izam bin Mansor menyerah zakat berjumlah RM1,204,881.00.



Bank Rakyat diwakili oleh Ketua Pegawai Kewangan, Tuan Nor Haimee bin Zakaria menyerah zakat berjumlah RM878,540.00.



Etiqa Family Takaful Berhad dan Etiqa General Takaful Berhad oleh Ahli JawatanKuasa Shariah, Profesor Dato' Dr. Mohd Azmi bin Omar menyerah zakat berjumlah RM695,330.00.



Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) diwakili oleh Ahli Jemaah Pengarah, Dato' Aimi bin Haji Jusoh menyerah zakat berjumlah RM592,374.17.



Bank Islam Malaysia Berhad diwakili oleh YBhg. Tan Sri Ismail bin Haji Bakar, Pengerusi Bank Islam Malaysia Berhad menyerah zakat berjumlah RM435,000.00.



Boustead Plantations Berhad Pengarah Boustead Plantations Berhad, Maj. Gen. Dato' Seri Hj. Khairuddin bin Abu Bakar (R) J.P menyerah zakat berjumlah RM296,623.00.



Bank Muamalat Malaysia Berhad diwakili Ketua Jabatan Shariah,Tuan Mohd Izuwan bin Mahyudin menyerah zakat berjumlah RM276,734.52.



R & Z Enterprise diwakili oleh Encik Azim bin Radin Mustapha Amiruddin menyerah zakat berjumlah RM200,000.00.



Sinar Beseri diwakili oleh Encik Shahril Azwan bin Mutadho menyerah zakat berjumlah RM125,000.00.

# Majlis Penganugerahan Watikah Pelantikan



**IPOH, 30 Julai 2022 -** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, berkenan menyempurnakan Majlis Penganugerahan Watikah Pelantikan kepada Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Tuan Mohd Zaki bin Mahyudin, Mufti Negeri Perak, SS. Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh serta Ketua Hakim Syarie Negeri Perak, YAA Tuan Haji Ab. Rahman Thobroni bin Mohd Mansor menjadi anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.





# PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK 2022-2026

**IPOH, 1 Julai 2022** – Majlis pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) 2022-2026 disempurnakan oleh Yang Dipertua MAIPk Tan Sri Mohd Annuar bin Zaini di Kompleks Islam Darul Ridzuan Ipoh. Majlis dihadiri Pengarah SPRM Perak Dato’ Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohamad serta Tuan Shahrul Azam bin Shaari Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Turut hadir semua ketua agensi agama di negeri Perak serta warga pekhidmat MAIPk yang bersama-sama melafazkan bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada majlis tersebut.

Pelan Antirasuah Organisasi MAIPk (OACP) dibangunkan seiring dengan komitmen kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 bagi mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Ia merupakan dokumen penting menjadi panduan menangani masalah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku dalam organisasi.

Objektif OACP meningkatkan keupayaan penyampaian perkhidmatan melalui tadbir urus yang telus, cekap dan berkesan, menghindarkan rasuah di MAIPk melalui pemerkasaan integriti dan urus tadbir baik serta menyediakan dokumen rujukan dan pelan tindakan untuk pekhidmat MAIPk ke arah MAIPk berintegriti, berakauntabiliti dan membenci rasuah.

Secara umumnya, OACP MAIPk 2022-2026 mengandungi empat bab iaitu pengenalan, pengukuhan aspek governans, integriti dan antirasuah, memperkasakan usaha pencegahan rasuah dan kesimpulan serta harapan masa hadapan. Pelan menetapkan enam bidang keutamaan menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut ialah tadbir urus, sumber manusia, kewangan, perolehan dan operasi. Strategi yang dikenal pasti melalui enam bidang keutamaan yang digariskan pada 11 objektif strategi yang mengandungi 86 inisiatif serta akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun.






# MAJLIS PERASMIAN PUSAT HEMODIALISIS WAQAF PERAK AR-RIDZUAN, MANJUNG

**IPOH, 18 Ogos 2022 -** Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menganjurkan Majlis Perasmian Pusat Hemodialisis Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR), Manjung dirasmikan oleh Yang Dipertua MAIPk, Tan Sri Mohd Annuar bin Zaini. Pusat Hemodialisis WPAR dibina pada 17 Oktober 2018 dan mula beroperasi pada 13 Disember 2021. Untuk permulaan operasi, sebanyak 12 buah mesin dialisis disediakan mampu menampung sehingga 36 pesakit sehari. Jumlah kos keseluruhan projek pembinaan pusat hemodialisis wakaf mencecah RM3.3 juta. Pengurus projek ialah Kumpulan Perubatan Ar-Ridzuan (KPAR) merupakan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (syarikat milik penuh MAIPk).

MAIPk memperuntukkan lebih RM16 juta daripada dana zakat setiap tahun menampung perbelanjaan rawatan dialisis kepada lebih 600 orang penerima bantuan. Pembiayaan hemodialisis MAIPk kepada pesakit-pesakit merangkumi kos rawatan cucian darah sebanyak 14 kali sebulan pada kadar RM170.00 setiap cucian dan suntikan sebanyak 8 kali sebulan pada kadar RM60.00 setiap suntikan. Keseluruhan kos sebanyak RM2,860.00 sebulan bersamaan RM34,320.00 setahun bagi seorang pesakit.

Kos rawatan dialisis melalui pembiayaan MAIPk bagi tempoh 2015 hingga 2020:

| TAHUN | BIL. PENERIMA | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 2015 | 725 orang | 21,784,404.27 |
| 2016 | 685 orang | 18,685,763.16 |
| 2017 | 648 orang | 16,272,144.42 |
| 2018 | 596 orang | 14,886,434.72 |
| 2019 | 610 orang | 16,939,236.94 |
| 2020 | 570 orang | 16,458,280.26 |

Penubuhan Pusat Hemodialisis WPAR dapat menampung keperluan dan permintaan rawatan hemodialisis sejajar dengan pertambahan bilangan pesakit terutamanya yang dibiayai oleh MAIPk menerusi sumber zakat pada setiap tahun sekali gus dapat memaksimumkan manfaat harta wakaf.

MAIPk melalui Waqaf Perak Ar-Ridzuan adalah saluran bagi individu serta mana-mana organisasi untuk berwakaf sekaligus meningkatkan keyakinan umum berhubung pentadbiran wakaf di negeri Perak. Pelaksanaan projek-projek secara telus dan secara nyata memanfaatkan ummah akan membantu memperkembangkan lagi kefahaman anggota masyarakat terhadap hikmah berwakaf.

MAIPk mengharapkan lebih ramai berwakaf dengan MAIPk sekali gus mampu memberi manfaat kepada lebih ramai masyarakat yang memerlukan. Kini pelbagai saluran bayaran berwakaf telah diperkenalkan antaranya secara dalam talian yang kini menjadi pilihan penyumbang yang sangat mudah dan cepat dilakukan. Selain itu, boleh juga berwakaf dengan menjadi penyumbang tetap secara potongan gaji sangat digalakkan.

Kesedaran dan keprihatinan masyarakat untuk membudayakan ibadah wakaf sangat dituntut dalam mencerminkan cetusan tekad dan semangat untuk saling membantu mengangkat martabat ummah. Semoga dengan berwakaf ini mendekatkan diri kita kepada Allah SWT dan memberi impak yang berkesan dalam membantu keperluan dan maslahat semasa ummah di negeri Perak.








**TITAH**
**DULI YANG MAHA MULIA**
**PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**
**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI**
**ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

**MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1444**
**PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**TARIKH: 1 MUHARRAM 1444H / 30 JULAI 2022 (SABTU);**
**JAM: 10.00 PAGI**
**TEMPAT: CASUARINA@MERU, IPOH.**

# ‘KESELAMATAN MAKANAN: PENGHIJRAHAN VISI – PENGHIJRAHAN MISI’

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Dalam bahasa yang mudah ‘hijrah’ bermaksud berpindah, meninggalkan sesuatu tempat untuk pergi ke tempat lain. Dalam sejarah Islam, kumpulan umat Islam pertama yang melakukan hijrah ialah dua belas orang lelaki dan perempuan Muslimin yang berhijrah selama tiga bulan ke Habsyah, pada tahun 615 Masihi, disebabkan penganiayaan melampau yang dilakukan oleh Quraisy Mekah.

2. Namun, istilah ‘hijrah’ biasanya merujuk kepada perjalanan umat Islam bersama Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam dari Mekah ke Madinah pada tahun 622 Masihi. Perpindahan secara fizikal yang berlaku, merupakan peristiwa yang sangat penting dalam sejarah Islam. Berbeza dengan penentangan yang dihadapi daripada masyarakat Quraisy Mekah, masyarakat Madinah menyambut dan menerima ajaran Islam dengan semangat terbuka; membolehkan ajaran Islam disebarkan secara lebih berkesan lagi meluas. Peristiwa hijrah Mekah - Madinah memberikan impak sangat bermakna, dianggap titik tolak kegemilangan Islam, lalu ditandakan melalui pengenalan Tahun Hijrah dalam takwim Islam.

3. Hijrah sebenarnya tidak sekadar proses perpindahan secara fizikal dari tempat ke tempat. Yang lebih penting dihalusi ialah berlakunya perubahan daripada keadaan yang kelam ke keadaan yang ceria, daripada keadaan yang tertindas kepada suasana yang bebas, daripada jiwa dan minda yang terkongkong kepada jiwa dan minda merdeka. Hijrah mengubah pemikiran jumud kepada pemikiran baharu yang lebih dinamik.

4. Hijrah hendaklah dilihat dengan lensa yang lebih luas, ditafsirkan sebagai satu strategi, kesediaan bersedia keluar meninggalkan persekitaran kehidupan sedia ada, berpindah ke persekitaran baharu yang lebih kondusif, terkandung elemen-elemen peralihan dan anjakan untuk membuka lembaran baharu; juga membolehkan diperkenalkan pendekatan yang lebih teratur, tersusun dan sistematik untuk mencipta kejayaan dalam persekitaran baharu.

5. Hijrah membuktikan semangat berani berpindah meninggalkan fahaman lama dan bersedia menyerap idea baharu, melakukan pengubahsuaian, mengadaptasi cara kerja baharu. Hijrah memperlihatkan semangat kental yang tidak cepat mengaku tewas dan mempamerkan kegigihan tidak mudah berputus asa. Hijrah membuktikan ketabahan mahu mencapai matlamat. Peristiwa hijrah memberi panduan kepada ummah mengenal erti pengorbanan dan kejayaan.

6. Dengan ketentuan Allah Subhanahu Wata’ala, kita dikurniakan usia untuk melangkah ke Tahun Hijrah 1444. Dalam tempoh empat tahun kebelakangan, antara Tahun Hijrah 1440 ke Tahun Hijrah 1444, dunia secara umum dan negara kita secara khusus, menyaksikan pelbagai peristiwa geopolitik, politik, ekonomi dan sosial, merangkumi krisis dan konflik, pertukaran kepimpinan dan peralihan kuasa pemerintahan serta pelbagai malapetaka akibat pertukaran iklim, pemanasan global, bencana alam dan serangan virus Covid-19. Segala peristiwa yang terhampar dan setiap kejadian yang berlaku, jangan hanya ditonton dengan mata

kasar tetapi hendaklah dilihat dengan mata hati agar difahami yang tersirat, dijadikan pencabar minda untuk berfikiran secara lebih analitis, kritis dan kreatif.

7. Tarikh 1 Hijrah 1444, hendaklah dijadikan titik tolak meningkatkan azam - meningkatkan usaha, melakukan pembukaan minda, menyalakan semangat peralihan dan menyemarakkan semangat perubahan. Hari ini hendaklah dijadikan hari memeriksa dan mengaku kealpaan dan kecuaian lalu, lantas bertekad untuk tidak meneruskan pemikiran dan cara kerja yang sama sehingga terus mengulangi kesilapan yang serupa.

8. Hari ini hendaklah dijadikan hari kita bijak mengenal pasti dan berani mengakui ancaman besar yang sedang melanda ummah, dan menghentikan sikap masih mahu menafikan kewujudan gajah yang tersergam di hadapan mata. Hari ini, hendaklah dijadikan hari menyuntik kesedaran ummah mengenal pasti ancaman semakin kritikal yang sedang melanda ummah, lalu memikirkan strategi berkesan secara bersungguh untuk menangani ancaman yang boleh menyebabkan ummah menanggung penderitaan dalam skala yang besar.

9. Ummah sewajibnya menyedari atau jika masih alpa, wajib disedarkan dengan ancaman yang sedang melanda dunia ketika ini. Dunia sedang menghadapi ancaman keselamatan makanan. Krisis keselamatan makanan semakin meruncing. Dunia sedang menghadapi keadaan kekurangan makanan yang sangat membimbangkan. Belum pun selesai menghadapi kesan berlarutan akibat pandemik Covid-19 yang tercetus tiga tahun lalu, dunia sedang membayar harga yang mahal susulan perang Rusia – Ukraine. Kekurangan bekalan makanan di pasaran bukan sahaja menyebabkan harga melonjak naik, tetapi juga memberi risiko lebih buruk kepada manusia. Pada tahun 1970, Henry Kissinger menyatakan, “Kawali minyak dan kamu akan mengawal negara, kawali makanan dan kamu akan mengawali rakyat”. Makanan kini sudah dijadikan senjata peperangan. Dunia bakal menghadapi krisis kelaparan yang belum ada duluan sebelum ini. Dilaporkan ketika ini, setiap hari satu perlapan daripada tujuh bilion penduduk dunia tidak mempunyai makanan yang cukup.

10. Makanan ialah keperluan sangat asas manusia dan faktor penentu kepada kestabilan negara. Dalam konteks negara kita, keselamatan makanan bermakna kita mempunyai bekalan makanan secukupnya untuk memenuhi keperluan harian 32 juta orang penduduk, secara tetap, mampu dibeli dengan harga yang berpatutan, berkhasiat atau berada dalam keadaan yang baik.

11. Negara kita berada dalam status defisit bekalan makanan. Import makanan pada tahun 2020 mencecah 55.5 bilion ringgit berbanding 33.8 bilion ringgit eksport.[1] Defisit perdagangan produk makanan negara meningkat daripada satu bilion ringgit pada tahun 1990 kepada 11 bilion ringgit pada tahun 2010, dan 21.7 bilion ringgit pada tahun 2020.[2]

12. Untuk memenuhi keperluan domestik, dalam setahun Malaysia mengimport lapan puluh lapan (88) peratus daging kambing bernilai 879 juta ringgit, tujuh puluh enam (76) peratus daging lembu bernilai 2.2 bilion ringgit, mangga bernilai 87.9 juta ringgit, kelapa bernilai 266 juta ringgit, walaupun pokok kelapa begitu mudah tumbuh dan berbuah di bumi ini. Kita juga mengimport kopi, bawang, kentang, sotong, susu segar, kubis bulat, cili dan halia.

[1] Ku Seman Ku Hussain, “Makanan kita di tangan orang”, Utusan Malaysia, 23 Mei 2022, 16.

[2] Fatimah Mohamad Arshad, “New green revolution needed”, New Straits Times, 7 January 2013, 18.

13. Malaysia hanya menghasilkan tujuh puluh (70) peratus beras, enam puluh enam (66) peratus buah-buahan dan empat puluh lapan (48) peratus sayur yang kita perlukan.[3] Pada tahun 2020, Malaysia mengimport beras bernilai 620 juta dolar Amerika, meletakkan negara kita sebagai pengimport sembilan terbesar di dunia.[4] Pengalaman tiga tahun dilanda pandemik Covid-19, menyerlahkan status kritikal kekurangan bekalan makanan dalam negara, dan negara perlu mendapatkan pertolongan negara lain untuk memastikan kita memiliki bekalan makanan secukupnya.

14. Loceng amaran telah berbunyi, lampu isyarat telah berkelip apabila rakyat berasa resah gelisah mengalami situasi kekurangan bekalan telur, ayam, sayur dan minyak masak. Harga bahan-bahan makanan, terutama bahan-bahan import, diramalkan terus meningkat akibat gangguan rantaian bekalan selepas tercetusnya perang Rusia – Ukraine, di samping penurunan nilai ringgit.

15. Ayat 47-49 Surah Yusuf bermaksud:

*“...Hendaklah kamu bertanam tujuh tahun seperti biasa, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkai; kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan.*

*Kemudian akan datang selepas itu, tujuh tahun yang bersangatan kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan bagi mereka, kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan untuk dijadikan benih.*

*Kemudian akan datang pula sesudah itu, tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah hasil”*[5]

16. Seruan berjimat, seruan menyimpan dengan bijaksana, juga seruan mempersiapkan diri menghadapi malapetaka yang terkandung dalam Surah Yusuf memberikan pengajaran penting dan amat relevan dalam senario yang sedang melanda dunia ketika ini. Nabi Yusuf Alaihissalam memperingatkan ummah melakukan persediaan, menyediakan payung sebelum hujan; peringatan yang perlu diserapkan dalam minda ummah. Ummah hendaklah bijak mentafsir ancaman yang sedang melanda, dan pantas menyusun gerak kerja yang tepat.

17. Ayat 47 ke-49 Surah Yusuf kini dijadikan rujukan oleh pelbagai pihak untuk menangani masalah keselamatan makanan. Atas kebimbangan kemungkinan berhadapan situasi kekurangan bekalan makanan, negara-negara pengeluar mula meningkatkan stok simpanan. Negara China sebagai contoh, merupakan penyumbang utama bekalan gandum, beras dan jagung dunia, kini telah mengurangkan eksport bagi tujuan menambahkan stok simpanan sehingga ke paras yang tidak pernah berlaku dalam sejarah.[6] India mengambil langkah memberhentikan eksport gandum kerana mengutamakan keselamatan makanan di negara mereka setelah pengeluaran terjejas akibat pemanasan global.[7] Sebelum tercetusnya peperangan, Ukraine mengeksport hasil pertanian sekitar 6 juta tan sebulan ke Timur Tengah, Asia dan Afrika, melalui pelabuhan negaranya, tetapi kini hanya mampu mengeksport dua puluh (20) peratus daripada jumlah tersebut[8] setelah, Rusia bertindak menyekat laluan perkapalan yang membawa bahan-bahan eksport dari Ukraine ke pasaran global.

[3] NST Leader, “Food, a big think”, Nes Straits Times, 6 May 2020, 2.

[4] Mohd. Azlan Bakar, “Apabila makanan habis…”, Utusan Malaysia, 9 Mei 2022, 2.

[5] Al-Quran, Surah Yusuf (12:47-49)

[6] Budiman Mohd Zohdi, “Krisis makanan fenomena dunia”, Sinar Harian, 22 Jun 2022, 17.A

[7] Norkumala Awang, “Ambil ibrah kisah Nabi Yusuf atasi krisis sekuriti makanan”, Berita Harian, 26 Mei 2022, 12.

[8] Ibid.

18. Malaysia berada diambang bahaya keselamatan bekalan makanan. Usaha-usaha perlu dilakukan secara bersungguh dan berfokus untuk mengurangkan import. Langkah-langkah strategik perlu diperkenalkan untuk mewujudkan petani generasi baharu, meluaskan kawasan tanaman makanan, dan menggalakkan pengeluaran melalui kaedah moden walaupun di atas tanah bersaiz kecil.

19. Pada tahun 1974, Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein (Allahyarham) melancarkan Rancangan Buku Hijau bertujuan mengekang kebergantungan keterlaluan terhadap bahan makanan import. Rancangan Buku Hijau ialah satu gagasan penting untuk mengangkat sektor pertanian tanpa menafikan kepentingan sektor lain. Malangnya wawasan keselamatan makanan yang dirintis oleh Tun Abdul Razak turut dikuburkan bersama jasad Tun Abdul Razak. Gagasan yang terkandung dalam Rancangan Buku Hijau wajar dikunjungi, disuntik nafas baharu dan dihidupkan semula.

20. Ketika Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada tahun 1970, sektor pertanian di negara kita menghasilkan tiga puluh (30) peratus Keluaran Dalam Negara Kasar, menurun sepuluh perpuluhan lima (10.5) peratus pada tahun 2000, dan terus menurun tujuh perpuluhan empat (7.4) peratus dalam tahun 2020, dengan sumbangan empat puluh lapan (48) peratus bernilai 52 bilion ringgit subsektor pertanian makanan.

21. Perangkaan tahun 2020 menunjukkan lima perpuluhan tiga (5.3) juta hektar tanah di negara kita ialah tanah pertanian. Namun atas perkiraan komersial, hanya sembilan ratus ribu (900,000) hektar menyamai tujuh belas (17) peratus digunakan untuk menghasilkan makanan, baki empat perpuluhan dua (4.2) juta hektar, menyamai lapan puluh tiga (83) peratus digunakan untuk tanaman kontan (cash crop) komoditi kelapa sawit dan getah. Sedarilah! duit dalam tangan tidak bermakna jika makanan berada dalam genggaman orang lain. Kita akan kebuluran jika orang tidak mahu menjual. Era makanan murah telah berakhir. Jika tiada langkah serius dilaksanakan dengan segera, kita akan menghadapi suasana darurat makanan. Oleh itu perlu difahami falsafah yang tersirat di sebalik konsep jelapang padi dalam masyarakat Melayu.

22. Insan yang bersyukur, ialah insan yang menghargai kurniaan rezeki Ilahi yang berada di hadapan matanya. Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan ummah di negara ini dengan kekayaan sumber semula jadi, tanah yang luas lagi subur, iklim yang menggalakkan, dan hujan sepanjang tahun; faktor-faktor yang memiliki unsur-unsur kesempurnaan (tahsiniyat) untuk mempermudah ummah berusaha menghasilkan bahan makanan. Ummah wajib berhijrah daripada terlalu mengharapkan bantuan kerajaan, dengan memulakan usaha untuk menambah pengeluaran makanan. Hendaklah dihidupkan budaya untuk setiap isi rumah berusaha menghasilkan satu jenis tanaman makanan.

23. Syarak menuntut agar dilaksanakan ikhtiar mempromosikan kebajikan ummah, memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta benda. Setiap urusan agama hendaklah dibina atas perkara-perkara tersebut dan hanya memeliharanya sahajalah, membolehkan segala urusan individu dan masyarakat berjalan baik. Bagi memelihara nyawa, Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan makan dan minum, hatta dalam keadaan darurat yang memudaratkan nyawa, ummah diharuskan memakan bahan makanan yang asalnya haram.

24. Permintaan makanan tiga puluh dua (32) juta orang penduduk Malaysia ialah permintaan harian yang berterusan. Perlu ada gerakan besar-besaran untuk memenuhi keperluan bekalan makanan. Rakyat hendaklah disedarkan. Rakyat hendaklah dibawa bersama, membantu menangani memenuhi keperluan bekalan makanan. MAIPK dan JAIPK mentafsirkan, usaha menghindari manusia daripada kebuluran disebabkan keputusan makanan, sebagai satu tanggungjawab utama fardu kifayah selaras dengan semangat maqasid syariah. Justeru itu, sambutan Maal Hijrah 1444, memilih tema untuk menyedarkan ummah mengenai subjek keselamatan makanan, dengan hasrat dapat menggerakkan ummah bergiat aktif mengusahakan program menghasilkan makanan.

25. Langkah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak serta Jabatan Agama Islam Perak menjalin kerjasama dengan Jabatan Pertanian untuk meningkatkan penghasilan bahan makanan merupakan perintisan usaha baharu di luar daripada norma budaya kerja biasa, satu langkah penghijrahan yang strategik. Gandingan tenaga MAIPK dan JAIPK, bersama Jabatan Pertanian, wajib diberikan sokongan oleh pelbagai pihak. Sokongan kewangan, memenuhi tanggungjawab sosial korporat yang dilakukan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC), Perbadanan Menteri Besar Perak (MB INC) dan Perbadanan Kemajuan Islam Negeri Perak Sendirian Berhad (PSB), membantu membiayai program menghasilkan makanan yang diusahakan oleh masjid, surau, tahfiz dan sekolah, amatlah bermakna dan sungguh mendorongkan. Semoga lebih banyak badan berkanun, GLC dan pihak swasta, tampil ke hadapan menghulurkan sumbangan dan bantuan untuk membiayai projek-projek menghasilkan makanan. Para belia hendaklah menawarkan diri - menawarkan pimpinan, membangunkan program briged muda petani moden. Beta menghargai sambutan masjid, surau, pusat tahfiz dan sekolah, bergerak aktif mengusahakan pelbagai program penghasilan makanan. Program menghasilkan makanan hendaklah terus diperluaskan dan dijadikan program tetap oleh setiap masjid dan surau di negeri Perak. Masjid dan surau hendaklah berada di barisan hadapan di setiap mukim dan kampung, memberikan sebaik contoh teladan, mendorong dan membimbing masyarakat setempat, melaksanakan ibadah fardu kifayah menghasilkan makanan.

26. Sama-sama kita semaikan niat, disusuli azam mahu melaksanakan program keselamatan makanan, melakukan penghijrahan visi – penghijrahan misi, dengan matlamat menjadikan negeri Perak sebagai jelapang keselamatan makanan. Kepada Allah Subhanahu Wata'ala kita pohonkan petunjuk dan hidayah mengurniakan kita kejayaan.

وَبِاللهِ التَّوْفِيْقِ وَالْهِدَايَةِ

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

# 417 PELAJAR TERIMA BIASISWA BAITULMAL MAIPk

**IPOH, 19 Julai 2022 -** MAIPk telah menganjurkan Majlis Penyampaian Biasiswa Pelajaran Baitulmal 2022 di Hotel Impiana, Ipoh. Seramai 417 pelajar menerima Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal tahun 2022 melibatkan dana zakat berjumlah RM417,000. Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahrul Azam bin Shaari kepada 72 penerima biasiswa baharu pelajar tingkatan 4 dan 5 melibatkan 38 buah sekolah di seluruh negeri Perak.

Penerima biasiswa terdiri daripada pelajar asnaf fakir dan miskin yang mempunyai potensi cemerlang. Setiap pelajar menerima RM1,000.00 disalurkan terus kepada akaun pelajar melalui pemantauan sekolah. Pelajar boleh memanfaatkan bantuan untuk persediaan persekolahan dan membeli keperluan pembelajaran (buku rujukan, peralatan tulis dan lain-lain).

Selain itu, pelajar turut diberi bantuan dalam bentuk program kecemerlangan bagi memastikan emosi dan rohani mereka bersedia untuk fokus kepada pembelajaran seterusnya meningkatkan prestasi. Antaranya seperti Program Motivasi, Program Tuisyen percuma (pecutan terakhir), Bengkel Tips dan Teknik Menjawab dan Program Pasca SPM iaitu Hijrah Asnaf ke Menara Gading memberi panduan pelajar membuat pilihan pengajian di peringkat pengajian tinggi berdasarkan minat dan kelayakan akademik.

**Penerima Anugerah Cemerlang SPM 2021**

| PENCAPAIAN SPM | BILANGAN PELAJAR |
|---|---|
| 2 A | 1 |
| 11 A | 2 |
| 10 A | 1 |
| 9 A | 24 |
| **JUMLAH** | 28 |

Pada majlis tersebut turut disampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang SPM kepada 28 penerima Biasiswa Baitulmal MAIPk tahun 2021 yang telah mencapai keputusan cemerlang. Semoga sumbangan zakat ini dapat membantu meningkatkan prestasi asnaf dan berjaya memperoleh kecemerlangan dalam pendidikan sekaligus meningkatkan taraf hidup.

Turut hadir pada majlis ini Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan MAIPk, Puan Wan Maizura Binti Haji Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Bakri bin Lee, Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPN), Puan Raudah binti Napiah dan Penolong Pengarah, Sektor Pembangunan Murid JPN, Puan Izlin Hani binti Mohd Mokhtar serta guru-guru biasiswa sebagai guru pengiring pelajar penerima biasiswa.












## MAIPk TERIMA SERAHAN ZAKAT MCDONALD'S BERJUMLAH RM180,000.00

**IPOH, 16 Jun 2022 -** Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd dan Majlis Sambutan Hari Raya telah diadakan di Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Miskin BudiMulia Nurul Huda, Chemor. Penyerahan zakat diwakili oleh Naib Presiden Sumber Manusia dan Pengerusi Jawatankuasa Halal Dalaman, Mcdonald's Malaysia Encik Azhar Darbi berjumlah RM180,000.00 kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk,Tuan Shahrul Azam Bin Shaari. Hadir sama Pengerusi Rumah Anak Yatim dan Miskin Budi Mulia Nurul Huda Tuan Shaharuddin bin Razali, AF Ustaz Khairuddin bin Malik, Penasihat Syariah Mcdonalds Malaysia, Professor Fauzi Mohd, Penasihat Syariah Mcdonald's Malaysia, AF Ustaz Ahmad Nazim bin Md Tajuri, Pengurus Besar Bahagian Pemasaran MAIPk dan AF Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, MAIPk.










## PROGRAM ZIARAH ASNAF MAIPk DAERAH MANJUNG





**MANJUNG, 7 Jun 2022 -** Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus mempergiatkan usaha menjalankan Program Ziarah Asnaf, kali ini program diadakan di sekitar Seri Manjung dan Lekir. Pihak MAIPk turun padang menyantuni lima buah keluarga diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Puan Wan Maizura binti Haji Wan Zahari. Turut hadir, Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Puan Norfazilah binti Bawadi dan Encik Noraizad bin Rosli, Pegawai Baitulmal Daerah Manjung, Encik Mohamad Razif bin Mokhtar serta pegawai-pegawai MAIPk daripada ibu pejabat dan daerah Manjung.

Program turun padang bertujuan menyelami kelangsungan hidup asnaf di samping melihat keperluan lain yang layak disantuni. Nasib golongan asnaf sentiasa menjadi perhatian MAIPk dengan membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh golongan asnaf t agar merekan dapat menjalani kehidupan mereka dengan lebih baik. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pembayar zakat kerana hasil daripada pembayaran zakat yang berterusan kepada MAIPk golongan asnaf dapat dibantu. Semoga pembayar-pembayar zakat dilimpahi rezeki yang berpanjangan serta menjadi bekalan hari akhirat kelak. Teruskan istiqamah berzakat di Zakat Perak-MAIPk. Zakat boleh ditunaikan melalui online FPX klik https://ezakat.maiamp.gov.my





# BANTUAN-BANTUAN MAIPk
























# BANTUAN-BANTUAN MAIPk
























# KERATAN AKHBAR

18 | UTUSAN MALAYSIA
RABU • 22 JUN 2022

**Forum**

## Perkasa wakaf bantu tangani sekuriti makanan

**SAUDARA PENGARANG,**

**KRISIS** sekuriti makanan yang melanda negara memberi banyak kesan kepada rakyat. Perkara ini menjadi tumpuan utama dalam titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang menitahkan supaya ia ditangani segera.

Seri Paduka turut menitahkan agar satu pelan jangka panjang dirangka untuk mengukuhkan sekuriti makanan dan menjamin kos sara hidup berada pada tahap bersesuaian.

Keadaan bertambah buruk dengan kenaikan harga barang makanan dan keperluan harian. Kegagalan menanganinya memberi kesan buruk kepada rakyat terutama yang berpendapatan rendah. Situasi ini disebabkan negara terlalu bergantung pada import bahan makanan.

Hal ini bertepatan dengan titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah baru-baru ini agar memberikan perhatian serius terhadap ancaman keselamatan bekalan makanan dengan mengaktifkan sektor pertanian, ternakan dan perikanan.

Baginda menyatakan, sektor-sektor ini amat perlu diperkenalkan menerusi budaya kerja dan pengeluaran baharu dengan menyuntik kaedah dan mekanisme moden supaya produktiviti bahan makanan dapat segera ditingkatkan.

Melihat keadaan ini, konsep wakaf boleh dijadikan satu alternatif membantu sekuriti makanan negara serta menambah produktiviti dengan membangun tanah wakaf di kawasan terbiar.

Tanah wakaf di seluruh negara dikatakan masih banyak belum dimajukan sepenuhnya. Tanah-tanah wakaf yang dikenal pasti di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) boleh dibangunkan bersama kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Institusi wakaf khususnya anak syarikat di bawah MAIN boleh membangunkan tanah-tanah wakaf dengan aktiviti pertanian berskala besar bagi memenuhi keperluan sumber makanan negara. Pertanian dan penternakan moden boleh dijalankan melalui usahasama dan bimbingan pakar-pakar pertanian daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Jika dapat direalisasikan, ia mampu menyumbang bekalan makanan negara domestik sekali gus dapat meningkatkan potensi penjanaan pendapatan kepada MAIN.

Semoga pihak yang bertanggungjawab dapat memberi perhatian serius agar tanah wakaf terbiar boleh dimajukan sebagai projek wakaf pertanian, penternakan mahupun perikanan sebagai usaha membantu negara meningkatkan pengeluaran domestik, mengurangkan kebergantungan keperluan import, meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara.

**MOHD. YAKOP IKRAM**
Ipoh, Perak



**MOHD YAKOP BIN IKRAM**
PENOLONG PENGURUS
BAHAGIAN PERHUBUNGAN KORPORAT, MAIPk

Khamis, 25 Ogos 2022 | MindaPembaca | 13

## Kesedaran bayar zakat masih rendah

Mohd Yakop Ikram,
Ipoh, Perak

**Institusi** zakat sememangnya penting dan menjadi antara badan yang berada di barisan hadapan, bergerak membantu dan menyantuni rakyat yang memerlukan.

Misalnya ketika pandemik COVID-19 melanda, institusi zakat di seluruh negara menyalurkan hampir RM200 juta bantuan kepada asnaf dan golongan yang terkesan. Di Perak, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) mengagihkan zakat mencecah RM20 juta khusus kepada mereka yang terdesak dan sangat memerlukan bantuan.

MAIPk mewujudkan pelbagai jenis bantuan, merangkumi sokongan bulanan untuk menampung kehidupan, kecemasan, membina rumah, pulih rumah, persekolahan, pendidikan dan rawatan perubatan.

Wang zakat yang diagihkan oleh MAIPk kepada asnaf yang berhak datangnya daripada kutipan zakat harta, iaitu pendapatan, simpanan, perniagaan, tanaman, pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan lain-lain lagi.

Pada 2021, 95 peratus atau 187 juta kutipan zakat di Perak datang daripada zakat harta, hanya lima peratus atau RM10 juta hasil kutipan daripada zakat fitrah.

Pada masa ini, daripada 400,000 orang Islam di Perak berada dalam kategori yang berkeupayaan membayar zakat harta, namun hanya 80,000 atau 20 peratus yang membayar zakat harta mereka di MAIPk. Keadaan ini menunjukkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kewajipan membayar zakat harta masih rendah dalam kalangan rakyat. Angka kutipan dan bayaran zakat boleh dianggap sebagai petunjuk pencapaian ekonomi umat Islam.

Semakin tinggi tahap pendapatan masyarakat Muslim dalam sesebuah negara, sepatutnya semakin banyak hasil kutipan zakat diperoleh untuk diagih dan dimanfaatkan kepada ahli masyarakat yang memerlukan.

Namun, keseimbangan agihan nikmat sukar dicapai, semata-mata dengan berlaku peningkatan pendapatan, jika tiada kesedaran dalam kalangan umat Islam mahu menunaikan zakat harta.

> "Jika bilangan pembayar zakat berjaya ditambah dan jumlah kutipan berjaya ditingkatkan, lebih banyak agihan kepada asnaf akan dapat dilaksanakan"

Jika bilangan pembayar zakat berjaya ditambah dan jumlah kutipan berjaya ditingkatkan, lebih banyak agihan kepada asnaf akan dapat dilaksanakan. Oleh itu, usaha perlu ditingkatkan untuk menyedarkan lebih ramai ummah bersedia beramal menginfakkan kepada golongan yang memerlukan.

### Amal budaya berzakat

Marilah kita sama-sama menjadikan amalan berzakat sebagai budaya hidup. Zakat adalah Rukun Islam yang bermatlamat mewujudkan keseimbangan sosial, melalui kutipan sebahagian harta daripada golongan yang berkemampuan untuk diagihkan kepada yang memerlukan.

Kini, kebanyakan institusi zakat menyediakan pelbagai kemudahan membayar zakat, antara menjadi pilihan utama menunaikan secara dalam talian.

Selain itu, umat Islam yang layak membayar cukai pendapatan amat dituntut menunaikan zakat pendapatan. Dalam kalangan yang berpendapatan tetap, gunakan kemudahan menunaikan zakat melalui potongan gaji berjadual dan jumlah dibayar layak mendapat rebat atau potongan penuh atas cukai pendapatan yang dikenakan.

Selain itu, diakui perlu wujud kempen berkaitan supaya kesedaran membayar zakat dalam masyarakat semakin meningkat.

Semoga Allah SWT bukakan pintu hati umat Islam dalam menunaikan zakat iaitu salah satu Rukun Islam yang disebut dalam al-Quran selain solat. Jadi, dirikan solat dan tunaikan zakat.

# Anggota Belia MAIPk aktif

## Pelantikan dua belia menyumbang kepada pembangunan Islam Negeri Perak






*Aktiviti-aktiviti bersama dua Anggota Belia MAIPk.*

19 Mac 2021 menjadi detik paling bersejarah buat Wan Mohammad Afiq Wan Aris Fathillah dan Ezatul Farita Rohawi yang dilantik sebagai Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk).

Pelantikan mereka diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bagi mewakili belia negeri Perak.

Dasar ini diperkenalkan buat julung kalinya agar suara anak muda turut diberi peluang dan diketengahkan untuk sama-sama membincangkan dasar-dasar MAIPk dalam melaksanakan tanggungjawabnya dalam menggalak, mendorong dan membantu kemajuan ekonomi serta sosial masyarakat Islam di negeri ini.

MAIPk mengiktiraf peranan belia sebagai pihak berkepentingan serta sebagai pelapis kepimpinan masa hadapan untuk pembangunan dan kemajuan ummah.

Sebagai Anggota Belia MAIPk, Wan Mohammad Afiq dan Ezatul Farita kini aktif dalam memberi sumbangan kepada masyarakat Islam di negeri Perak.



EZATUL FARITA    WAN MOHAMMAD AFIQ

### PELAKSANAAN PROGRAM ANGGOTA BELIA MAIPK 2021 – 2022 :

1. Program Pengimarahan Masjid dengan Memperkasa Silat di Masjid-Masjid Negeri Perak Fasa 1 & 2.
2. Wacana Pemikiran Sultan Nazrin Muizzudin Shah.
3. Pengauditan Projek Pemerkasaan Asnaf MAIPk.
4 Program Silat bagi Sekolah-Sekolah di bawah MAIPk.
5. Pertandingan Seni Khat Remaja Peringkat Negeri Perak.
6. Belia Perak Bertadarus di Masjid Al-Raudhiatul Mardhiah di Parit.
7. Program Bubur Lambuk di 6 Masjid Daerah Bagan Datuk.
8. Kunjungan Mesra ke Masjid Ar-Rashidiah (Masjid Daerah Selama) dan Masjid Al Khairiah Rantau Panjang.
9. Program Bakul Makanan dan Belia Imarah Masjid.

### PROGRAM YANG BAKAL DILAKSANAKAN :

1. Program Pengimarahan Masjid dengan Memperkasa Silat di Masjid-Masjid Negeri Perak- Fasa 3 & 4.
2. Wacana Pemikiran Sultan Nazrin Muizzudin Shah (secara atas talian) Siri 4 dan 5.
3. Pengauditan Projek Pemerkasaan Asnaf MAIPk Siri 2.
4. Kokurikulum Silat Bagi Sekolah-Sekolah Agama berdaftar di bawah MAIPk.
5. Kelas Tuisyen dan Pembelajaran Interaktif di Masjid-Masjid Negeri Perak.
6. Program Pengimarahan Masjid Bersama Belia sempena Karnival Belia Cinta Masjid - Pelancaran Skuad 2 Roda.
7. Persidangan Kepimpinan Belia Masjid.
8. Kembara Belia Masjid Negeri Perak.
9. Karnival Sukan Antara Masjid.


**SALURAN BAYARAN ONLINE ZAKAT MAIPk :** Zakat Perak - MAIPk | ZakatPerak | MAIPk Official | zakatperak_official

FPX
https://ezakat.maiamp.gov.my
POTONGAN GAJI ONLINE
https://epzb.maiamp.gov.my
Tel : 05 - 208 4089
InfaqPay
https://infaqpay.my/go/zakatmaipk

GoPayz | SnapNPay | Shopee | AffinBank | Agro Bank | AmBank Islamic | Bank Islam | Bank Muamalat | Bank Rakyat | BSN | CIMB Clicks | Maybank | Public Bank | RHB | myeg

**MEDIUM BAYARAN WAQAF PERAK AR-RIDZUAN :** Waqaf Perak Ar-Ridzuan | Waqaf_Perak | MAIPk Official | waqafperak_official

FPX
https://www.wakafperak.gov.my
InfaqPay
https://infaqpay.my/go/waqafperakarridzuan
JomPAY
Biller Code: 29892
Ref-1: Nombor yang dihasilkan dari janaan pendaftaran di www.wakfperak.gov.my
Nota : Pengguna baru perlu mendaftar portal

Maybank | GoPayz | SnapNPay